MyGov UC

PENTADBIR UPS (ANM) <bkpups@anm.gov.my>

Fwd: PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023) BAGI ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 150 DAN AP 299

PENTADBIR UPS (ANM) <bkpups@anm.gov.my> 8 December 2025 at 11:33
To: unit_prestasi <unit_prestasi@anm.gov.my>
Cc: "MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN (ANM)" <azraai@anm.gov.my>, "AZEMAN BIN MISKAH (ANM)" <azeman@anm.gov.my>, "RAMSIAH BINTI ISMAIL (ANM)" <ramsiah.ismail@anm.gov.my>, "SHARIFAH NOR AIN BINTI SYED AHMAD (ANM)" <ain.ahmad@anm.gov.my>, "NORHAYATI BINTI MOHD RIPIN (ANM)" <norhayati.ripin@anm.gov.my>, bkp_ps <bkp_ps@anm.gov.my>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA
Bahagian Khidmat Perunding
Aras 5, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA.

Tel: 603-8886 9500 / 8886 9700
Faks (Fax): 603-8886 9759
Laman Web(Web): www.anm.gov.my

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan e-mel yang diterima daripada BKSK, MOF bertarikh 5 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Bersama ini disertakan surat edaran Pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) 150 dan AP299 rujukan MOF.BKSK 600-1/7/1 JLD.3 (24) bertarikh 28 November 2025 untuk makluman pihak tuan/puan. Surat edaran ini telah dikemukakan melalui e-mel kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Pindaan AP 150 dan AP299 juga telah dimuat naik dalam Portal Rasmi Kementerian Kewangan pada 4 Disember 2025.

3. Dimaklumkan juga bahawa Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bil. 1 Tahun 2024 berkaitan Pelaksanaan AP299 - Resit Rasmi Dan Borang Seumpamanya Yang Belum Digunakan Dan Usang akan dikemas kini setelah Arkib Negara Malaysia mengemas kini Panduan Pelupusan Rekod Awam, Borang Kewangan - Arkib 4/08 dan Borang Kewangan - Arkib 13/08. Keperluan GPANM juga akan dikaji semula selaras dengan keputusan mesyuarat sesi libat urus pindaan AP150 dan AP299 anjuran MOF pada 25 Ogos 2025.

4. Kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk memaklumkan berkaitan pindaan AP150 dan AP299 ini kepada semua Pejabat Perakaunan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

Unit Perakaunan Strategik (UPS)
Seksyen Perundingan Kewangan & Perakaunan
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Tel: 03 8886 9761/9538/9623/9651/9875/9602
Faks: 03 8886 9759

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

Rujukan : MOF.BKSK 600-1/7/1 JLD.3 (24)
Tarikh : 28 November 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023) BAGI ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 150 DAN AP 299

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MOF) ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan bahawa terdapat keperluan untuk meminda Arahan Perbendaharaan (AP) seperti yang berikut:

(a) AP 150 – Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan
Bertujuan untuk memudah cara Jabatan/ Agensi Sektor Awam menguruskan tatacara pelupusan dokumen kewangan dan perakaunan.

(b) AP 299 – Resit Rasmi dan borang yang tidak digunakan atau usang atau rosak
Bertujuan untuk memperkasakan AP agar selari dengan Akta yang berkuat kuasa.

3. MOF telah memperhalusi dan bersetuju meluluskan pindaan ke atas kedua-dua AP tersebut seperti yang dinyatakan dalam Jadual di **Lampiran I.**

4. Pindaan Arahan Perbendaharaan tersebut berkuat kuasa serta merta dan telah dimuat naik dalam laman web rasmi MOF yang boleh diakses di https://www.mof.gov.my/portal/ms/arahan-perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k. TKSP(D)

TKSP(I)

TKSP(M)

SBKSK